

DATE: 12/6/2010

## PGPO harap bantuan dapat diserahkan kepada rakyat Palestin

UM - 12/06/2010

BESUT 11 Jun – Perdana Global Peace Organisation (PGPO) masih berharap semua bantuan kemanusiaan yang dirampas tentera Israel baru-baru ini dapat diserahkan kepada penduduk Palestin di Gaza secepat mungkin.

Penasihatnya, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, beliau juga berharap negara-negara yang mempunyai hubungan dengan Israel seperti Jordan dan Turki dapat berunding dengan negara itu bagi mencapai tujuan tersebut.

Katanya, harapan juga diletakkan kepada kedua-dua negara itu supaya dapat membantu mendapatkan semula kapal yang ditahan rejim Zionis itu.

“Kalau barangan bantuan kema-

nusiaan tidak dapat dihantar ke Gaza, Israel perlu membayar ganti rugi,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Kampung Baharu dekat sini hari ini.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Kuala Besut, Dr. Abdul Rahman Mokhtar, ADUN Kota Putera, Muhammad Pehimi Yusof dan ADUN Hulu Besut Nawī Mohamad.

Pada 5 Jun lalu, kapal tajaan PGPO, Rachel Corrie telah ditawan oleh tentera rejim Zionis dan dibawa ke Pelabuhan Ashdod, Israel.

Enam rakyat Malaysia yang terdiri daripada tiga wakil PGPO, seorang ahli Parlimen dan dua anggota media

berada di atas kapal itu bersama aktivis kemanusiaan antarabangsa yang lain.

Dengan penahanan itu, bermakna kesemua bantuan kemanusiaan yang cuba dihantar oleh aktivis kemanusiaan dari seluruh dunia sejak hujung bulan lalu telah tersadai di pelabuhan itu.

Mukhriz yang juga Ahli Parlimen Jerlun berkata, misi bantuan kemanusiaan ke Gaza yang dikendalikan PGPO turut melibatkan sumbangan rakyat Malaysia bernilai RM1 juta.

Menurutnya, walaupun Israel ada memberi jaminan yang bantuan tersebut akan diserahkan kepada penduduk Gaza, namun ia sukar untuk diyakini.

Sementara itu, di pihak kerajaan juga katanya, usul khas yang dikemukakan bagi mengancam keganasan Israel pada sidang Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini telah menunjukkan pendirian tegas Malaysia.

“Usul ini senada dengan yang dikemukakan oleh Turki sebelum ini dan berharap lebih banyak negara Islam serta bukan Islam dapat turut serta menyokong bantahan terhadap Israel,” katanya.

Beliau berkata, sekatan lebih tiga setengah tahun ke atas Gaza oleh rejim Israel sememangnya tidak dipersetujui masyarakat antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).